# Biogreen Week 3.0 kaedah baharu penerokaan ilmu biologi

Oleh: Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir, Muhammad Hanif Haswan Masreh, Munira Mohd Nawawi, Najwa Asyiqin Hashim, Nur Hasya Amran & Muhammad Adam Hazieq Mohd Roslan




SERDANG, 28 Jun – Kelab Mahasiswa Biologi (KMB), Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program "BioGreen Week 3.0 2022" untuk meningkatkan kesedaran peserta mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dengan mempelajari dan mempraktikkannya dalam norma baharu.

Program itu telah berlangsung selama seminggu bermula pada 16 Mei 2022 hingga 22 Mei 2022 secara dalam talian melalui pelbagai platform media sosial dan telah berjaya mendapatkan sambutan seramai 2,617 peserta dalam kalangan pelajar UPM, Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta serta institusi pengajian luar.

Penyertaan adalah lebih daripada 200 buah sekolah di mana penyertaan tertinggi daripada sekolah rendah ialah daripada SK Desa Putra, SK Seri Makmur dan SJK (T) Masai manakala penyertaan daripada sekolah menengah ialah daripada SMK Majidi Baru, SMK Tan Sri Mohamed Rahmat dan Sekolah Menengah Sains Sultan Iskandar.

LIHAT JUGA


Kembara Dakwah Al-Falah bantu pelajar asnaf di Pahang. (/berita/kembara_dakwah_al_falah_bantu_pelajar_asnaf_di_pahang-67721)


UPM TAWAR HARGA MAKANAN PATUT RM3.50 (/berita/upm_tawar_harga_makanan_patut_rm350-67672)


Alumni Pertanian 1972 imbau nostalgia kembali ke UPM (/berita/alumni_pertanian_1972_imbau_nostalgia_kembali_ke_upm-67671)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

W1VHTLA:11:58









Terdapat juga penyertaan daripada kolej-kolej antaranya Kolej Antarabangsa Greencity, Kolej Genius @ Pintar Negara, Kolej Sultan Abdul Hamid dan Kolej Yayasan Saad Melaka.

Pada sesi kali ini, terdapat 5 aktiviti yang dianjurkan iaitu “Let’s Tapow Day”, “Trash to Treasure”, “Greenovative Day”, “Nature Word Search Challenge”, dan “Earth Day”.

Penasihat program, Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir berkata, program “BioGreen Week 3.0 2022” kali ini telah mempersembahkan tema yang berbeza berbanding tahun lalu iaitu “*Reuse The Past, Recycle The Present, Save The Future*” di mana ia dapat menggalakkan pelajar untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih hijau dengan kaedah yang lebih menarik dan efektif serta bersesuaian dengan konsep norma baharu.

“Program ini membuktikan bahawa penerapan cinta kepada alam sekitar sejak daripada awal adalah penting agar lebih ramai cakna akan kepentingan bumi yang lebih hijau kepada generasi akan datang.







“Selain itu, program ini juga mampu mengasah kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran digital, sosial, kreativiti dan lain- lain sebagai nilai tambah kepada peserta untuk kegunaan akan datang,” katanya.

Tambah beliau, program itu merupakan salah satu daripada inisiatif UPM khususnya Jabatan Biologi dalam usaha melahirkan mahasiswa yang berkebolehan, bertanggungjawab, berpengetahuan luas, berfikiran kritis serta kompetitif di masa hadapan.

Selain itu, program kali ini turut dijalankan dengan anjuran KIMIA Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sempena Minggu Sains Negara 2022 yang dikendalikan secara dalam talian melalui aplikasi Instagram, Facebook, dan TikTok.

Program itu turut mendapat tajaan serta sokongan daripada Fakulti Sains, UPM dan KIMIA Malaysia Selain itu, penasihat program iaitu Dr Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir turut memberi peruntukan tambahan sebagai tajaan luar.

Pengarah program, Muhammad Hanif Haswan berkata beliau harap agar program itu dapat menambah pengetahuan baharu serta meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri setiap pelajar di samping membuka ruang untuk mengetengahkan bakat masing-masing dalam pelbagai bidang seperti fotografi, videografi, penulisan, seni lukisan, pengucapan dan inovasi.

“Dengan menggunakan media sosial sebagai platform aktiviti, saya berharap ia dapat membuka mata orang ramai tentang amalan bumi hijau kerana setiap insan memainkan peranan yang besar dalam menjadikan bumi tempat yang selamat untuk didiami,” katanya. - UPM

Tarikh Input: 01/07/2022 | Kemaskini: 01/07/2022 | hairul_nizam

W1VHTLA:11:58

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fbiogreen_week_30_kaedah_baharu_penerokaan_ilmu_biologi-67513&title=Biogreen%20Week%203.0%20Kaedah%20Baharu%20Penerokaan%20Ilmu%20Biologi%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN

BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

- Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
- Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
- KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
- Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
- Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
- Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
- Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
- Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
- i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
- i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
- Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

- Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
- Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
- Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
- Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
- Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

- FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
- Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
- Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
- Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
- Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
- Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
- Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
- Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
- UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)
- Takwim UPM 2022 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf)

(http://putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/) (https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/) (http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

W1VHTLA:11:58